

KONSEP KELUARGA DAN ISI RUMAH

Dr. Fatimah Abdullah

Pengenalan

KEBANYAKAN DARIPADA kita dilahirkan dan dibesarkan dalam keluarga yang mengandungi ibu bapa dan adik-beradik. Sepanjang hayat yang kita ada, kita tinggal di rumah kediaman yang terdiri daripada pelbagai jenis atau bentuk; dari rumah banglo, rumah teres, pangsapuri, khemah, gua dan sebagainya. Dalam rumah itulah biasanya kita dikelilingi oleh ibu bapa, adik beradik dan sanak saudara yang lainnya. Dalam kebanyakan keluarga itu, hubungan seksual hanyalah khusus kepada pasangan suami isteri sahaja.

Hampir semua individu dalam keluarga akan berkahwin sekurang-kurangnya sekali seumur hidup. Lazimnya perkahwinan adalah antara pasangan yang mempunyai beberapa persamaan; khususnya dari segi umur, pendidikan dan kelas sosial. Kebanyakan pasangan yang berkahwin itu pula lazimnya akan mempunyai seorang anak atau lebih. Anak-anak biasanya akan tinggal bersama dengan ibu bapa sekurang-kurangnya sehingga mereka mencapai usia dewasa. Ini bermakna, sebahagian besar daripada individu akan menghabiskan masa yang lebih lama bersama keluarga berbanding dengan masa yang mereka habiskan di tempat lain.

Sebagaimana yang disentuh di atas, ahli-ahli keluarga lazimnya tinggal bersama-sama dalam sebuah rumah. Mereka juga biasanya dirujuk sebagai isi rumah. Jadi, tidak hairanlah jika rumah dan keluarga dikatakan mempunyai kaitan yang rapat. Malah sebuah rumah selalu dirujuk sebagai tempat kediaman keluarga. Sementara itu berumah tangga seringkali dikaitkan dengan kehidupan berkahwin, mempunyai anak (atau berkeluarga) dan mereka ini tinggal dalam sebuah rumah.

Memandangkan konsep-konsep keluarga dan isi rumah mempunyai hubungan yang sangat rapat dan kadang-kala bertindih, maka rencana ini akan cuba mengupas

konsep-konsep tersebut. Hal ini perlu kerana, ada kalanya walaupun konsep itu bertindih tetapi ia tidak semestinya boleh digunakan silih ganti dan membawa makna yang sama pula. Ini kerana, apabila keanggotaan ahli dalam sesebuah rumah, fungsi yang dimainkan oleh ahli tersebut dan pelbagai lagi diteliti, kita akan dapati bahawa konsep-konsep itu mungkin diberikan tafsiran yang salah atau kurang tepat dan oleh itu tidaklah boleh disamaertikan.

2.0 Keluarga

Meskipun sejak 1920-an penelitian tentang keluarga telah dijalankan tetapi mencari satu definisi yang tepat dan universal tentang keluarga masih belum berhasil. Seperti yang dinyatakan lebih awal, masalahnya adalah kerana tindaan lapisnya konsep keluarga itu sendiri dengan konsep isi rumah. Oleh, itu tentunya sukar untuk mendapatkan garis sempadan antara konsep-konsep tersebut dan boleh diterima pakai oleh semua pihak.

Tambahan pula, sebagaimana yang pernah disentuh sebelum ini (Fatimah 1998), apa yang dimaksudkan oleh seseorang tentang keluarga pada masa dahulu tidaklah sama lagi dengan anggapan masa kini. Malah apa yang dianggap sebagai keluarga oleh sebuah masyarakat tidaklah pula dianggap keluarga oleh masyarakat yang lain. Lesser menyebut bahawa konsep “keluarga” tidak ada langsung bagi orang Dani di Indonesia. Di kalangan orang Kibbutz, Israel pula, Lesser-Blumberg menyebut bahawa komunitinya bertindak sebagai sebuah keluarga, sementara itu Gough mendapati bahawa di kalangan orang Nayar di Selatan Malabar India pula, bapa tidak ada hubungan peranan dengan anaknya (Johnson 1996).

Secara mudah, keluarga bolehlah ditakrifkan sebagai satu struktur yang bersifat khusus di mana ahli-ahli di dalam keluarga berkenaan dihubung antara satu sama lain berdasarkan hubungan darah, perkahwinan atau pengangkatan. Tegasnya sebuah keluarga mesti mengandungi suami/bapa, ibu/isteri dan anak-anak/adik beradik. Melalui hubungan tersebutlah ahli-ahlinya mempunyai hak dan tanggungjawab ke atas satu sama lain berdasarkan norma, nilai dan jangkaan-

jangkaan sebagaimana yang terkandung dalam budaya dan didokong oleh masyarakat berkenaan. Ini bermakna pasangan bersekedudukan tanpa berkahwin (walaupun mempunyai anak) tidaklah boleh dianggap sebagai keluarga. Ini kerana pembentukan keluarga mestilah diasaskan kepada hubungan perkahwinan yang diakui sah oleh masyarakat dan budaya tempat seseorang itu tinggal.

Dalam konteks yang disebutkan di atas, suami/bapa bertanggungjawab untuk mencari nafkah (lazimnya dengan melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi) dan menyara keluarga. Sehubungan dengan itu, dia berhak untuk mendapat penghormatan dan kesetiaan daripada isteri dan anak-anaknya. Isteri/ibu pula bertanggungjawab menjaga hal ehwal suaminya, mengasuh dan mendidik anak sebagaimana yang dijangkakan oleh masyarakatnya. Sebagai “balasannya” dia berhak untuk menerima kasih sayang daripada suami dan anak-anaknya. Begitu juga dengan anak-anak. Mereka berhak mendapatkan tempat tinggal, makanan, pakaian dan pendidikan daripada kedua ibu bapa. Oleh itu mereka perlu membalasnya dengan menunjukkan taat setia dan patuh kepada nasihat, tunjuk ajar dan teguran ibu bapa.

Unit sosial yang terdiri daripada pasangan suami isteri sahaja (sama ada yang baru berkahwin atau yang tidak mempunyai anak langsung), ibu tunggal dan bapa tunggal tidak dapat dianggap sebagai sebuah keluarga dalam erti kata yang sebenarnya. Ini kerana hubungan sosial dan unit berkenaan tidak lengkap. Ketiadaan ibu atau bapa atau anak menyebabkan sesetengah fungsi keluarga tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. “Keluarga” berkenaan mungkin memerlukan pertolongan orang lain, atau ahli-ahli yang ada perlu mengambil alih tugas tersebut agar fungsi keluarga dapat dilaksanakan. Umpamanya, bapa terpaksa melakukan tugas mengemas rumah, masak, membersihkan dan mengasuh anak serta tugas lain yang sepatutnya dilakukan oleh isteri/ibu. Ibu pula mungkin terpaksa bekerja lebih kuat untuk mendapatkan wang bagi menyara “keluarga” nya. Dia juga terpaksa menjadi “ketua” dan membuat keputusan penting untuk keluarga. Tanpa anak, “keluarga” bukan sahaja tidak memainkan fungsi mengasuh dan mensosialisasi anak yakni satu daripada fungsi-fungsi penting keluarga tetapi juga menyebabkan tiada kesinambungan generasi.

Perhubungan dalam keluarga, sama ada melalui perkahwinan, hubungan darah atau pengangkatan, yang diasaskan kepada hak dan tanggungjawab itu menjadi unsur penting yang boleh mengikat keluarga tersebut. Berdasarkan pengertian ini juga, konsep keluarga tidaklah sepatutnya dibatasi oleh kerangka tempat tinggal sebagaimana yang pernah dibuat oleh Burgess (1929), Murdock (1949) dan Goode (1974). Walau bagaimanapun, konsep keluarga boleh dilihat dalam bentuk keluarga asas (nuklear) dan keluarga luas. Keluarga asas ialah keluarga yang terdiri daripada pasangan suami isteri dan anak atau anak-anak yang belum berkahwin, termasuk anak angkat. Keluarga luas pula terdiri daripada keluarga asas yang disertai oleh datuk, nenek, menantu, cucu, ibu dan bapa saudara, sepupu dan lain-lain.

3.0 Isi Rumah

Sebuah isi rumah mungkin terdiri daripada hanya seorang individu atau beberapa individu yang tidak ada hubungan persaudaraan atau perkahwinan. Atau, ia mungkin mengandungi keluarga nuklear atau keluarga luas atau keluarga berbilang (*multiple families*), ataupun bukan keluarga. Walau bagaimanapun, keluarga dan isi rumah mempunyai persamaan atau dianggap membawa makna yang sama, oleh itu boleh membentuk isi rumah keluarga (*family household*).

Di Malaysia, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1980 mentakrif isi rumah sebagai sekumpulan orang yang tinggal bersama dan membuat peruntukan bersama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain. Individu-individu dalam kumpulan itu mungkin bersaudara atau tidak atau kedua-duanya sekali. Satu isi rumah mungkin mengandungi seorang sahaja atau berbilang ahli (1983:xxii). Sehubungan dengan itu, banci berkenaan membahagikan isi rumah kepada dua yakni:

1. Isi rumah persendirian: Isi rumah yang mendiami tempat kediaman persendirian, yakni tempat kediaman yang dijadikan tempat tinggal oleh suatu isi rumah, walaupun pada masa banci diduduki oleh lebih daripada satu isi rumah. Pada tahun 1980, isi rumah persendirian ini telah ditakrifkan untuk dimasukkan isi rumah-isi rumah yang mendiami di tempat kediaman yang

marginal (yaitu tempat kediaman yang tidak bermaksud untuk kediaman/tempat tidur, tetapi digunakan untuk tujuan-tujuan ini pada masa banci, seperti masjid-masjid dan sekolah-sekolah).

2. Isi rumah bukan persendirian: isi rumah yang mendiami tempat kediaman persendirian (tempat kediaman institusi), iaitu tempat kediaman yang memang diuntukkan bagi penginapan sekumpulan besar individu seperti hospital, hotel dan asrama.

Banci berkenaan juga turut membahagikan isi rumah kepada lima jenis iaitu:

1. Isi rumah perseorangan: Isi rumah yang mengandungi hanya seorang.
2. Isi rumah keluarga nuklear: Isi rumah yang mengandungi mereka yang bersaudara melalui pertalian darah, perkahwinan atau saudara angkat (yaitu ketua isi rumah, isteri/suami ketua, anak ketua yang belum berkahwin) dan mungkin juga termasuk ataupun tidak termasuk orang yang tidak bersaudara dengan ketua.
3. Isi rumah keluarga lanjutan: Isi rumah yang terdiri daripada keluarga nuklear dan ahli-ahli lain yang bersaudara dan mungkin termasuk ataupun tidak termasuk orang yang tidak bersaudara dengan ketua.
4. Isi rumah keluarga yang tidak bersaudara: Isi rumah yang terdiri daripada ketua isi rumah dan orang lain yang tidak bersaudara dengan ketua.

Laporan Banci Penduduk 1991 (1995: xxvii – xxix) pula memberikan takrifan yang lebih luas tentang isi rumah. Menurut laporan berkenaan, konsep isi rumah adalah berdasarkan peraturan yang dibuat oleh perseorangan atau kumpulan, bagi persediaan makanan dan keperluan hidup lain di tempat kediaman yang sama. Seperti juga dengan banci 1980, Banci 1991 membahagikan isi rumah kepada dua, iaitu isi rumah perseorangan atau isi rumah berbilang. Isi rumah perseorangan merujuk kepada seorang ahli yang membuat peruntukan sendiri bagi makanan dan keperluan hidup lain, tanpa berkongsi dengan sesiapa untuk menjadi sebahagian daripada isi rumah berbilang ahli. Sementara itu isi rumah berbilang ahli pula merujuk kepada sekumpulan yang mengandungi dua orang atau lebih yang tinggal bersama dan membuat peruntukan yang sama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.

Sebuah isi rumah berbilang ahli boleh terdiri daripada orang yang bersaudara atau tidak bersaudara.

Sehubungan dengan itu, isi rumah dibahagikan kepada dua, iaitu isi rumah persendirian yang dikelaskan sebagai unit perumahan, termasuk kategori rumah, rumah pangsa/apartmen, bilik (yang mempunyai jalan terus) pondok gantian dan tempat-tempat kediaman lain yang seumpamanya, yang tidak didiami oleh isi rumah institusi atau bukan persendirian. Kedua, isi rumah bukan persendirian yakni isi rumah yang mendiami tempat kediaman beramai-ramai seperti asrama dan sebagainya, dan tempat kediaman yang tidak bermaksud untuk kediaman tetapi digunakan sedemikian pada hari bancian dijalankan.

Selain ketua isi rumah, ahli-ahli dalam isi rumah boleh dikategorikan seperti yang berikut:

1. Isteri/suami ketua.
2. Anak ketua yang belum berkahwin.
3. Anak ketua yang berkahwin.
4. Menantu lelaki/menantu perempuan.
5. Cucu ketua.
6. Ibu/bapa ketua atau ibu/bapa kepada isteri/suami ketua.
7. Abang/kakak/adik kepada ketua atau abang/kakak/adik kepada suami/isteri ketua.
8. Ahli-ahli yang bersaudara dengan ketua atau dengan isteri/suami ketua.
9. Ahli-ahli lain yang tidak bersaudara dengan ketua atau suami/isteri ketua.
10. Pelawat.

Banci 1991 juga sedar bahawa ahli-ahli dalam isi rumah mungkin terdiri daripada mereka yang mempunyai hubungan darah atau perkahwinan dengan ketua atau mereka yang tidak ada langsung hubungan tersebut, atau mengandungi kedua-duanya. Sehubungan dengan itu, isi rumah boleh dikelaskan sebagai berikut:

1. Isi rumah perseorangan; yakni isi rumah yang hanya mengandungi seorang ahli sahaja.

2. Isi rumah ahli-ahli tidak bersaudara; yakni isi rumah yang mengandung ketua dan ahli-ahlinya yang tidak bersaudara dengan ketua.
3. Isi rumah keluarga asas; ialah isi rumah yang mengandung individu yang bersaudara melalui pertalian darah, perkahwinan atau saudara angkat. Komposisi keluarga asas ini meliputi ahli yang terdiri daripada;
 - a. Ketua isi rumah dan suami/isteri ketua.
 - b. Ketua isi rumah, isteri/suami ketua dan anak-anak ketua yang belum berkahwin.
 - c. Ketua isi rumah dan anak/anak-anak ketua yang belum berkahwin.
 - d. Ketua isi rumah (belum berkahwin) dan ibu/bapa ketua.

Bagi setiap komposisi di atas, ahli isi rumah berkenaan mungkin termasuk orang yang tidak bersaudara.

4. Isi rumah keluarga luas boleh dibahagikan kepada;
 - a. Isi rumah di mana pasangan berkahwin (jenis 3(a) atau 3(b)), tinggal bersama ibu bapa. Ahli-ahli isi rumah jenis ini mungkin termasuk orang yang bersaudara atau tidak bersaudara.
 - b. Jenis isi rumah yang mengandungi ibu dan bapa serta anak-anak yang berkahwin. Komposisi isi rumah jenis ini meliputi:
 - i. Jenis 3(a) atau 3(b) dan anak/anak-anak yang berkahwin (bersama atau tanpa isteri/suami).
 - ii. Ketua isi rumah (yang berkahwin, bersama atau tanpa isteri/suami) dan kedua-dua ibu bapa ketua.
 - c. Isi rumah yang mengandungi ibu atau bapa dan anak-anak yang berkahwin. Komposisi isi rumah bentuk ini meliputi:
 - i. Ketua isi rumah (yang berkahwin, tetapi tanpa isteri/suami dan ibu atau bapa).
 - ii. Ketua isi rumah (tanpa isteri/suami) dan anak/anak-anak yang berkahwin (tanpa suami/isteri masing-masing).

Isi rumah jenis ini mungkin termasuk orang lain yang bersaudara atau tidak bersaudara.

- d. Isi rumah yang mengandung komponen isi rumah keluarga asas dan orang bersaudara lain (selain ibu bapa atau anak). Isi rumah jenis ini mungkin termasuk orang lain yang tidak bersaudara.
5. Isi rumah ahli-ahli bersaudara lain; yakni isi rumah yang terdiri daripada ketua isi rumah dan ahli-ahli yang bersaudara (selain ibu bapa atau anak). Isi rumah jenis ini mungkin termasuk orang lain yang tidak bersaudara.

4.0 Perbincangan dan Penutup

Dua bahagian di atas telah menghuraikan konsep keluarga dan isi rumah. Apa yang jelas, keluarga mestilah mengandungi pasangan suami isteri dan anak-anak, termasuk anak angkat. Unit keluarga yang asas ialah keluarga nuklear yang terdiri dari daripada pasangan suami/bapa, isteri/ibu dan anak atau anak-anak/adik-beradik. Anggota keluarga nuklear mungkin tinggal bersama dan membentuk isi rumah keluarga nuklear. Tambahan sanak saudara lain ke dalam isi rumah keluarga nuklear menjadikannya isi rumah keluarga luas pula.

Sebagaimana yang ditegaskan lebih awal, anggota keluarga mungkin tinggal bersama-sama. Walau bagaimanapun, bilangan keluarga yang mempunyai ahli-ahli yang tinggal berasingan kini bertambah sejak kebelakangan ini kerana tuntutan dalam pekerjaan dan pendidikan. Umpamanya, anak-anak tidak tinggal bersama kerana belajar dan tinggal di asrama, bekerja di tempat lain atau sudah berkahwin. Suami atau isteri juga mungkin tidak tinggal bersama kerana bekerja di tempat lain. Fenomena ini tidaklah dapat disamakan dengan isi rumah yang didiami oleh pasangan suami isteri yang tidak mempunyai anak (sama ada kerana baru berkahwin atau kerana tidak mahukan anak langsung), dan ibu atau bapa tunggal; sama ada bercerai, kematian pasangan atau tidak pernah berkahwin (Individu tidak berkahwin yang mengambil anak angkat atau wanita yang melahirkan anak di luar nikah).

Jika diteliti kepada kategori yang dikelaskan sebagai isi rumah berdasarkan takrifan rasmi oleh Jabatan Perangkaan untuk tujuan banci, nampaknya tafsiran itu mengelirukan. Ini kerana unit kediaman (isi rumah) yang didiami oleh pasangan suami isteri tanpa anak serta ibu atau bapa tunggal bersama anak-anak mereka telah dikategorikan sebagai keluarga nuklear (keluarga asas). Walhal isi rumah seperti ini sepatutnya dikategorikan sebagai isi rumah keluarga tidak lengkap (*incomplete family*). Pembahagian yang jelas ini perlu kerana jika tidak, perangkaan tentang keluarga nuklear tentulah tidak tepat memandangkan takfiran yang digunakan agak longgar.

Jika diteliti Banci 1980 dan 1991 tentang bilangan isi rumah di Malaysia kita dapati peningkatan kepada isi rumah keluarga nuklear daripada 55 peratus untuk Banci 1980 kepada 60 peratus bagi Banci 1991 (lihat Jadual 1). Banci-banci berkenaan juga mendapati bahawa saiz isi rumah di Malaysia telah turun daripada 5.2 pada 1989 kepada 4.8 pada 1991.

Jenis Isi Rumah di Malaysia bagi Banci 1980 dan 1991 (%)

Jenis Isi Rumah (%)	Tahun	
	1980	1991
Orang Perseorangan	9	8
Keluarga Nuklear	55	60
Keluarga Luas	28	26
Ahli Bersaudara	6	3
Ahli Tidak Bersaudara	2	3

Sumber: Banci Penduduk 1991, Jilid I (1995:160)

Kekeliruan dalam mentakrif keluarga nuklear boleh menyebabkan gambaran yang tidak tepat tentang peratusan keluarga nuklear di Malaysia, sekaligus membayangkan kehidupan keluarga nuklear lebih diutamakan. Hakikat sebenarnya, sebagaimana yang dinyatakan lebih awal ialah bahawa takrifan keluarga nuklear untuk tujuan banci itu telah memasukkan sekali keluarga ibu dan bapa tunggal. Memandangkan hal yang demikian juga data tentang ibu atau bapa tunggal tidak

dikemukakan dalam banci, sedangkan fenomena ini dikatakan kian bertambah sejak kebelakangan ini berikutan kadar perceraian yang meningkat dan bilangan wanita tidak berkahwin yang mempunyai anak (sama ada mengambil anak angkat atau melahirkan anak di luar nikah).

Memahami perbezaan antara keluarga dengan isi rumah adalah penting bagi membolehkan kita melihat atau bercakap tentang perubahan dalam isi rumah tanpa perlu mempersoalkan tentang perubahan kepada keluarga dan kehidupan keluarga. Di setengah-setengah tempat, kehidupan berumah tangga dan kehidupan berkeluarga menekankan “*privacy*” malah lebih daripada itu ialah intimasi. Intimasi dan “*privacy*” dalam kehidupan berkeluarga menuntut persekitaran fizikal yang lebih sesuai. Dari segi praktis, ini bermakna bilik yang cukup diperlukan untuk mengasingkan isi rumah daripada komuniti dan antara seorang anggota keluarga dengan yang lainnya dalam sebuah rumah. Nampaknya keperluan moden untuk “*privacy*” menyebabkan semakin ramai antara kita yang mahukan rumah yang lebih besar, tetapi purata saiz isi rumah (yakni bilangan ahli dalam sebuah rumah adalah lebih kecil daripada sebelum ini dalam konteks Malaysia pun keperluan untuk “*privacy*” menyebabkan semakin ramai individu memilih untuk hidup di kediaman berasingan membentuk isi rumah berasingan daripada keluarga orientasi.

Akhir sekali, sebuah isi rumah mungkin terdiri daripada sebuah atau beberapa buah keluarga atau hanya seorang individu sahaja. Ahli dalam sebuah isi rumah tidak semestinya mempunyai hubungan keluarga. Sementara itu, ahli dalam sebuah keluarga mungkin tinggal sebuah rumah dan membentuk isi rumah keluarga atau mungkin tinggal berasingan.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

SENARAI RUJUKAN

Malaysia. 1983. *Laporan Am Banci Penduduk dan Perumahan 1980*, Jabatan Perangkaan Malaysia.

..... 1995. *Laporan Am Banci Penduduk 1991*, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Fatimah Abdullah. 1994. *Urbanisasi dan Kekeluargaan: Satu Kajian Kes Kelas Menengah Melayu di Kuala Lumpur*, Tesis Ph.D. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

..... 1998. Definisi keluarga semakin sukar, *Rampak Serantau*, Bil 5: 81-91.

Johnson, A.G. 1996. *Human Arrangements: An Introduction to Sociology*, Madison: Brown & Benchmark

Jones, C. L., Tepperman, L. & Wilson, S.J. 1995. *The Future of the Family*, New Jersey: Prentice-Hall.